# PAKATAN HARAPAN RAKYAT

14 September 2023

Saya bangga dan bersyukur menjadi rakyat Malaysia.

Tahun lalu, saya berpindah ke rumah baru di Damansara. Kata ibu, pada suatu ketika hanya orang kaya-kaya sahaja yang mampu tinggal di Damansara kerana rumahnya mewah dan harganya jutaan ringgit. Alhamdulillah, selepas kerajaan melaksanakan program rumah mampu milik rakyat secara besar-besaran, golongan muda seperti saya juga mampu membeli kediaman di sini.

Saya bekerja di sebuah firma rekacipta kejuruteraan di Petaling Jaya. Bos saya masih lagi muda, beliau pernah bekerja di Amerika Syarikat dengan firma ternama di sana. Kami menghasilkan rekaan chip komputer pintar yang digunakan di dalam peralatan elektronik terkini. Rekaan yang dihasilkan dihantar ke kilang di China yang akan mengeluarkannya bagi pasaran dunia.

Kehidupan saya sekeluarga selesa. Isteri saya adalah seorang akauntan yang bertugas dengan syarikat antarabangsa. Beliau bertugas dari rumah. Akses jalur lebar Malaysia yang terbaik di dunia membolehkan ramai ibu bekerja dari rumah sambil menghabiskan masa berkualiti dengan anak-anak.

Rata-rata keluarga muda seperti kami bersyukur dengan peluang ekonomi yang ada di negara ini. Gaji kami melebihi untuk menampung keperluan harian dan 30% dari gaji saya dan isteri disimpan bagi pelaburan jangka panjang. Kami mampu untuk bercuti setiap tahun dan kami juga mewujudkan tabung amanah untuk dua orang anak kecil kami bagi masa depan mereka.

Malaysia dihormati di rantau Asia Tenggara dan dunia. Kuala Lumpur adalah ibu kota Asia Tenggara dan diiktiraf sebagai 5 bandaraya terbaik di dunia setiap tahun. Ia satu-satunya bandaraya yang mengekalkan warisan kebudayaan pelbagai kaum yang hidup harmoni di dalam setiap aspek kehidupan kota. Ibu pejabat Bank Pusat Islam Dunia yang dibuka di Kuala Lumpur dalam tahun 2019 menyerlahkan lagi kedudukan Kuala Lumpur sebagai satu daripada lima pusat kewangan terbaik dunia.

Saya bangga dengan Malaysia kerana ia dicemburui negara-negara dari Timur hinggalah ke Barat. Setiap bandar besar kita dari Perlis ke Johor dan Kelantan ke Kuala Lumpur dihubungkan dengan keretapi laju berteknologi hijau. Aktiviti pentadbiran dan jabatan kerajaan diagihkan ke seluruh negara dan jaringan pengangkutan awam yang cekap ini memudahkan urusan rakyat.

Rakyat Malaysia juga adalah rakyat terkaya di rantau Asia Tenggara. Tidak ada keluarga Malaysia yang pendapatan bulanannya kurang dari RM4,000. Pemilik-pemilik tanah yang dahulunya dipanggil peneroka kini adalah jutawan pertanian dan industri kecil yang mengusahakan tanah mereka dengan jayanya.

Negara-negara lain mengagumi keamanan Malaysia walaupun ada berpuluh-puluh etnik yang berbeza. Keamanan yang terhasil dari perpaduan rakyat pelbagai kaum ini dikuatkan lagi dengan kecekapan Angkatan Tentera Malaysia yang diiktiraf sebagai pasukan pertahanan terbaik di rantau Asia Tenggara.

Paling penting, saya bangga kerana Malaysia satu-satunya negara di rantau ini yang berjaya membuktikan kekayaan negara akan memakmurkan rakyat jika ditadbir dengan baik.

Tabung Warisan yang ditubuhkan sepuluh tahun lalu kini sudah mencecah jumlah RM124 bilion tabungan hasil minyak dan gas yang disimpan untuk masa depan. Rakyat menikmati pendidikan percuma hingga ke peringkat universiti dan kemudahan kesihatan percuma. Malaysia juga adalah satu-satunya negara di rantau ini yang menyediakan skim caruman kepada isteri sebagai sebahagian dari sistem perlindungan kebajikan kebangsaan.

Apabila saya berkunjung ke negara-negara lain atas urusan kerja, saya bangga apabila negara saya dipandang manis. Mereka mengagumi keupayaan kita mengamalkan prinsip demokrasi sepenuhnya. Institusi kehakiman negara menjadi rujukan di peringkat antarabangsa. Malah, kejayaan kita memusatkan aktiviti ekonomi di peringkat rakyat terbanyak dan industri kecil sederhana (IKS) menjadi model kejayaan yang diteliti negara lain.

Saya bersyukur kerana Malaysia berada di landasan yang betul pada hari ini akibat keputusan tepat yang dibuat sepuluh tahun lalu dalam pilihanraya umum 2013. Itulah kali pertama saya mengundi dan setiap kali saya memandang optimis dengan masa depan Malaysia, saya berbangga kerana saya adalah sebahagian dari generasi perubahan yang mengubah landasan negara pada tahun itu.

Muhammad Adlan bin Azrul
Damansara



# MANIFESTO RAKYAT
## PAKATAN HARAPAN RAKYAT

PARTI KEADILAN RAKYAT

# KESEJAHTERAAN RAKYAT

- Harga minyak turun
- Caj elektrik lebih rendah
- Caj air lebih rendah
- Hapus tol
- Hapus monopoli
- Turunkan harga kereta
- 150,000 rumah selesa mampu milik
- Perbadanan Perumahan Negara: pelaburan RM5 bilion tahun pertama dan RM2 bilion setahun selepas itu untuk bina rumah selesa mampu milik
- Pendidikan percuma untuk semua, hapus PTPTN
- Hapus AES. Batalkan saman AES.
- Keadilan untuk warga FELDA
- Tingkatkan guna tenaga polis untuk banteras jenayah
- Perkhidmatan wad percuma (kelas 2 dan 3) di semua hospital kerajaan
- Bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat dinaikkan kepada RM550 sebulan

# RAKYAT BERSAUDARA

- Menghayati kedudukan Islam sebagai agama persekutuan dan menjamin hak kebebasan beragama seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan
- Mengangkat budaya sebagai teras positif hidup bermasyarakat
- Caruman Wanita Malaysia: kerajaan akan menyumbang caruman RM50 sebulan bagi setiap isteri yang layak; manakala suami akan menyumbang caruman antara RM10 hingga RM100 sebulan, mengikut kadar pendapatan
- Skim Bonus Warga Emas (60 tahun ke atas): Bonus RM1,000 setahun
- Bahasa kebangsaan dimartabatkan, hak bahasa ibunda dijamin dan bahasa Inggeris dipertingkatkan
- Bantuan tambahan RM300 bagi setiap murid setiap tahun untuk 1,854 Sekolah Agama Rakyat, SJKC, SJKT, sekolah persendirian Cina, Tamil, Iban, Kadazan dan sekolah mubaligh
- Pengiktirafan Sijil Peperiksaan Bersepadu Gabungan Sekolah Menengah Cina (UEC)
- Menghormati kedudukan Sabah dan Sarawak di dalam Persekutuan – kerjasama bersekutu, perwakilan yang adil, kewarganegaraan, pengiktirafan hak ke atas Tanah Adat, kecekapan dan kemandirian Sabah dan Sarawak, keadilan dalam isu minyak, pembangunan sekata
- Program segera untuk Sabah dan Sarawak – hapus sistem kabotaj, insentif pelaburan wujud pekerjaan, syarikat minyak milik Sabah dan Sarawak, lebuhraya merentas Sabah – Sarawak, hentikan pembinaan empangan yang merosakkan alam sekitar dan mensesarkan rakyat
- Hak tanah dan kebajikan Orang Asli dipelihara

# EKONOMI RAKYAT

- 1 juta peluang pekerjaan baru untuk rakyat dengan mengurangkan pergantungan kepada buruh asing secara berperingkat
- Gaji minima RM1,100 sebulan; tabung RM2 bilion permudah pelaksanaan gaji minima
- Skim Perintis Rakyat: melatih 1 juta lepasan sekolah yang tidak melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi dalam bidang teknikal, menggabungkan peluang pekerjaan tetap dan persijilan kemahiran
- 5 universiti teknikal dan 25 sekolah vokasional baru ditubuhkan
- Reformasi pendidikan untuk merangsang ekonomi Membudayakan perkongsian bijak kesatuan sekerja, majikan dan kerajaan
- IKS dan inovasi teras ekonomi negara – tabung inovasi RM500 juta, rombakan insentif percukaian Pelarasan percukaian rakyat – kadar cukai tertinggi 26% untuk cukai pendapatan hanya mula dibayar bagi pendapatan boleh cukai melebihi RM400,000 ke atas, berbanding RM250,000 sekarang
- Ekonomi lestari – henti operasi Lynas, kaji semula fasa pelaksanaan RAPID, reformasi semua undang-undang berkait dengan pembalakan dan kawal selia pembalakan
- Membela ekonomi dan kebajikan perajurit – RM500 juta Tabung Usahawan Kecil Perajurit, kenaikan caruman kerajaan ke dalam LTAT dari 15% ke 20% (diuruskan berasingan dari dana pencen), Dividen Perajurit iaitu imbuhan RM2,000 setahun kepada bekas perajurit tidak berpencen
- Memberdayakan usahawan teksi dengan memberikan permit terus kepada pemandu teksi Pelaburan R&D mencecah 5% KDNK
- Pengangkutan awam nadi ekonomi negara – pengangkutan awam percuma kepada golongan berbeza upaya, sistem bersepadu bas dan MRT di Lembah Klang, RM2 bilion untuk tambahkan bilangan bas dan jajaran sekali ganda, langkah ke arah membina sistem keretapi laju antara bandar pertama di rantau Asia Tenggara
- Memecah monopoli merancakkan persaingan – Suruhanjaya Anti Monopoli, Suruhanjaya Kontrak Awam untuk menilai perjanjian awam seperti IPP dan konsesi berat sebelah, memecah monopoli telekomunikasi, makanan ruji, farmaseutikal dan lain-lain, membubarkan 1MDB, tender terbuka, melupuskan pegangan kerajaan di dalam GLC melalui management buy-out (MBO) untuk lahirkan lebih ramai usahawan

# KERAJAAN RAKYAT

- Reformasi institusi Islam dan keagamaan Pakej penggajian dan perkhidmatan baru
- penjawat awam
- Pilihanraya yang bersih, adil dan telus Reformasi institusi kehakiman, Kamar Peguam
- Negara, SPRM dan PDRM
- Reformasi Parlimen Kebebasan media dan mengembalikan amanah kepada pengamal media
- Memansuhkan AUKU dan menjamin kebebasan akademik
- Memansuhkan semua undang-undang anti-rakyat
- Memperkenalkan Dasar Banteras Rasuah Negara (DEBARAN) – merombak sepenuhnya agensi pencegahan rasuah, merombak tumpuan untuk menyiasat kes-kes berprofail tinggi dan berkepentingan awam, mengetatkan undang-undang rasuah